

SIRI TANAH AIRKU

KEDAH
DARUL AMAN

oleh Suraya

PERPUSTAKAAN NEGARA



1000326458



PENERBITAN HARTAMAS

PENERBITAN HARTAMAS

23, Jalan 3/57B, Off Jalan Segambut Bawah,
Segambut,
52100 Kuala Lumpur.

© PENERBITAN HARTAMAS

Cetakan pertama 1995.

Perpustakaan Negara Malaysia

Data Pengkatalogan-dalam-Penerbitan

Suraya

Kedah Darul Aman / Suraya.

(Siri tanah air ku)

ISBN 983-034-063-5 (set).

ISBN 983-034-069-4

1. Kedah - - History.
 2. Kedah - - Economic conditions.
 3. Kedah - - Social conditions.
 4. Kedah - - Social life and customs.
 5. Kedah - - Description and travel.
- I. Judul. II Siri.
959.5112

HAKCIPTA TERPELIHARA. Tiada bahagian buku ini boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran, ditukarkan ke dalam apa bentuk sekalipun, samada secara elektronik, mekanikal, penggambaran semula, perakaman ataupun sebaliknya, tanpa izin terlebih dahulu dari
PENERBITAN HARTAMAS.

Dicetak di Malaysia oleh: Cetaktama Sdn. Bhd.
B4-09 K.L. Industrial Park, # 653, 5th. Mile Klang Road,
58200 Kuala Lumpur.

K
959.5112
SIR

K
871542
Perpustakaan
Malaysia

PRAKATA

'Siri Tanah Airku' memberi maklumat terperinci tentang setiap buah negeri di Malaysia. Siri ini sesuai sebagai sumber rujukan tambahan para pelajar Tahap Dua sekolah rendah dan sekolah menengah rendah untuk mata pelajaran **Kajian Tempatan**.

Maklumat-maklumat disusun bermula daripada:

- Profil Umum dan Kedudukan Fizikal
- Lintasan Sejarah
- Kegiatan Ekonomi dan Pentadbiran
- Keindahan Negeri
- Ciri-ciri Seni Budaya

Setiap negeri disertakan dengan gelaran masing-masing, manakala tajuk Malaysia menyimpulkan maklumat bagi semua negeri secara menyeluruh.

Kami berkeyakinan buku ini dapat memberi manfaat dan pengetahuan tambahan kepada generasi muda untuk mengenali negeri-negeri dan masyarakat Malaysia yang berbilang kaum secara lebih dekat.

Selamat membaca!

PENERBIT

Bendera Negeri Kedah Darul Aman



Merah ialah warna kebangsaan negeri Kedah yang turun-temurun. Padi maknanya negeri ini makmur dalam hal kehidupan. Anak bulan tanda negeri ini beragama Islam. Perisai pula maksudnya Raja (Kerajaan) sentiasa menjaga dan memelihara rakyatnya dan penduduk dalam negeri ini daripada kezaliman.

Lambang Negeri Kedah Darul Aman



Lengkaran itu maksudnya padi, tanaman utama Negeri ini. Anak bulan tanda Agama Islam. Perisai pula tanda kekuasaan.

Profil Umum dan Kedudukan Fizikal



Negeri Kedah Darul Aman dikenali sebagai “Jelapang Padi Malaysia”. Sebahagian besar kawasan negeri Kedah diliputi oleh sawah padi yang terbentang luas. Kehijauan padi sungguh menarik.

Negeri Kedah juga merupakan negeri tertua di Malaysia. Kesan-kesan sejarah di Lembah Bujang membuktikan bahawa Kedah telah wujud pada abad ketujuh atau kelapan Masihi, penduduk negeri Kedah menganut agama Hindu-Buddha.

Ancaman Siam telah menyebabkan Sultan Kedah menyerahkan Pulau Pinang kepada Inggeris dengan harapan Inggeris dapat membebaskan Kedah.

Pada tahun 1909 Siam menyerahkan kuasa ke atas Kedah kepada Inggeris. Setelah tamat Perang Dunia Kedua, Kedah telah bergabung dengan negeri-negeri lain dan membentuk Persekutuan

Tanah Melayu.

Dari segi geografi, negeri Kedah mempunyai keluasan lebih kurang 9425 kilometer persegi. Kedah terletak di bahagian utara Semenanjung Malaysia. Kedah bersempadan dengan negeri Thai dan Perlis di bahagian utara, manakala di selatan pula bersempadan dengan negeri Perak dan Seberang Prai (Pulau Pinang). Kedah dan Perak dipisahkan oleh Sungai Krian, manakala Sungai Muda pula menjadi sempadan dengan Seberang Perai.

Di perairan negeri Kedah, terdapat 104 gugusan buah pulau yang besar dan kecil. Pulau yang paling besar dan terkenal adalah Pulau Langkawi. Pulau-pulau lain yang terkenal adalah Pulau Dayang Bunting, Pulau Singa Besar, Pulau Timon dan Pulau Tuba. Pulau Langkawi merupakan induk pulau-pulau tersebut.

✓ Gunung yang tertinggi di negeri Kedah adalah Gunung Jerai. Di kaki gunung ini





terletak sebuah kawasan yang dinamakan Lembah Bujang. Banyak peninggalan sejarah telah dijumpai di sini. Sebagai salah sebuah kawasan peninggalan zaman purba, di tempat ini telah didirikan sebuah muzium arkeologi yang dinamakan Muzium Lembah Bujang.



*Penanaman Padi
di dataran
Kedah-Perlis*

Kedah adalah sebuah negeri pertanian. Sebahagian besar penduduk negeri ini bergantung hidup kepada hasil padi mereka.

Kawasan penanaman padi yang terbesar ialah di dataran Kedah-Perlis. Kawasan ini meliputi sebahagian besar kawasan tanah di negeri Kedah, Perlis dan Seberang Prai. Hasil padi yang dikeluarkan oleh Kedah adalah lima puluh peratus daripada pengeluaran beras negara.

Selain daripada sektor pertanian, Kedah kini sama-sama menuju ke era ekonomi baru sebagaimana negeri-negeri



lain di Malaysia. Kawasan-kawasan perindustrian yang telah wujud adalah Mergong, Bakar Arang, Tikam Batu dan Kulim.

Negeri Kedah juga kaya dengan keindahan semula jadinya. Banyak tempat-tempat menarik yang terdapat di negeri ini terutamanya Pulau Langkawi. Ini menjadikan negeri ini satu destinasi pelancongan yang sentiasa mendapat kunjungan ramai. Tempat-tempat bersejarah seperti Lembah Bujang, Makam Mahsuri dan Beras Terbakar di Padang Mat Sirat memberi daya tarikan kepada pelancong-pelancong dari dalam dan luar negara. Di negara Kedah juga terdapat kawasan air terjun serta kawasan pantai yang indah.

✓ Pulau Langkawi masa kini terkenal sebagai pulau perdagangan bebas cukai. Pulau ini telah menjadi tumpuan untuk membeli-belah kerana pelbagai barangan yang diimport dijual dengan harga






yang murah. Barang-barang tempatan boleh didapati juga.

Pada umumnya Kedah Darul Aman adalah sebuah negeri yang amat menarik dan seharusnya dikunjungi. Corak hidup dan suasana alam di Kedah adalah sederhana dalam semua hal. Penduduk Kedah yang ramah sangat mencintai sawah bendang mereka. Semangat cinta kepada bendang tidak dapat dipisahkan daripada jiwa rakyat Kedah Darul Aman.

Lintasan Sejarah



Kerajaan Kedah Lama sebenarnya telah wujud sebelum tertubuhnya Kerajaan Melayu

- Melaka. Raja-raja Kedah pada ketika itu menganut agama-agama Hindu dan Buddha.

Raja Kedah yang mula-mula menganut agama Islam adalah Sri Paduka Maharaja Debar II yang menukar namanya menjadi Sultan Muzafar Shah. Baginda telah memerintah Kedah selama 43 tahun.

Kerajaan Kedah Lama banyak berkait dengan pengaruh Siam, Aceh dan Belanda. Pada mulanya penjajahan Kedah adalah luas meliputi kawasan Pulau Pinang, Seberang Perai, Kedah dan Perlis. Bagaimanapun setelah terjadi beberapa pergolakan, Kedah tinggal seperti apa yang terdapat pada hari ini.

Mengikut urutan, sultan-sultan Kedah yang memerintah sejak daripada Sultan Muzafar hingga ke hari ini adalah seramai 27 orang. Akan tetapi Kesultanan Kedah yang dikenali bermula dari tahun 1619 iaitu ketika Sultan Kedah yang ketiga belas memerintah. Salasilah sultan-sultan yang telah memerintah Kedah adalah seperti berikut:

1. Sultan Muzaffar Shah
2. Sultan Muazam Shah
3. Sultan Muhammad Shah
4. Sultan Mazzil Shah
5. Sultan Mahmud Shah I
6. Sultan Ibrahim Shah





7. Sultan Sulaiman Shah I
8. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah I
9. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin I
10. Sultan Mahmud Shah I
11. Sultan Muzaffar Shah II
12. Sultan Sulaiman Shah II
13. Sultan Rijaluddin Muhammad Shah
14. Sultan Muhyiddin Shah
15. Sultan Dhiauddin Mukarram Shah
16. Sultan Ata'Allah Muhammad Shah II
17. Sultan Abdullah Muazzam Shah I
18. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah
19. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin II
20. Sultan Abdullah Mukarram Shah
21. Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II
22. Sultan Zainal Rashid Al-Muazam

- Shah I
23. Sultan Zainal Rashid Muazam Shah II
 24. Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah III
 25. Sultan Abdul Hamid Halim Shah
 26. Sultan Badlishah
 27. Sultan Abdul Halim Muazam Shah, iaitu Sultan Kedah sekarang.

Kisah legenda yang terkenal iaitu tentang pembunuhan Mahsuri berlaku sekitar tahun 1710, ketika zaman pemerintahan Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin II iaitu Sultan Kedah yang kesembilan belas. Baginda juga telah menukarkan mata wang asal iaitu tera kepada rial perak. Ketika itu pembesarpembesar negeri dilarang menjadi saudagar.

Setelah pembunuhan Mahsuri, Pulau Langkawi telah diserang oleh pihak Siam sehingga binasa. Ramai rakyatnya mati





dibunuh. Ini ditambah dengan keadaan kucar-kacir dalam negeri yang disebabkan oleh Perang Saudara. Sultan Muhammad Jiwa Zainal Azilin II cuba mewujudkan keamanan dengan menyusun semula pentadbiran tetapi gagal berbuat demikian. Untuk menyelamatkan keadaan, baginda telah meminta bantuan daripada pihak Inggeris. Permohonan Inggeris untuk mendirikan loji di negeri ini telah diperkenankan oleh Sultan dengan syarat Inggeris mesti membantu baginda mempertahankan negeri Kedah. Dengan bantuan Inggeris, pada tahun 1771 perang saudara dapat ditamatkan. Ini telah mengeratkan lagi hubungan antara Kedah dengan Inggeris.

Pada tahun 1772, Inggeris telah mengemukakan permohonan untuk memajak tanah di negeri Kedah. Permohonan tersebut telah diperkenankan oleh Sultan. Semasa perjanjian antara kedua-dua pihak dimeterai, Inggeris berjanji akan membantu Sultan Kedah seki-

ranya pihak pemberontak atau askar-askar Bugis melakukan serangan ke atas negeri Kedah. Hasil daripada perjanjian itu, pihak Inggeris telah mendapat keuntungan besar. Orang Inggeris mendapat hak berdagang dan dibenarkan tinggal di Kedah. Kota Kuala Kedah telah diserahkan kepada Inggeris dan cukai di sekitarnya dipungut oleh mereka.

Hubungan Inggeris dengan Sultan Kedah mulai retak apabila sikap tidak jujur dan tipu-helah Inggeris yang ingin mengaut keuntungan telah disedari oleh Sultan dan pembesar-pembesar negeri. Semasa pemerintahan Sultan Abdullah Mukarram Shah iaitu Sultan Kedah yang kedua puluh, baginda telah menolak permohonan Inggeris untuk membina sebuah lagi loji Inggeris di Pulau Pinang. Akan tetapi dengan pujuk rayu Kapten Francis Light, pada tahun 1786 akhirnya Inggeris telah berjaya menguasai Pulau Pinang. Satu lagi perjanjian telah ditandatangani antara Inggeris dengan Kedah. Akan tetapi





Inggeris sengaja mencabuli perjanjian itu.

Ketika Kedah menghadapi serangan Siam, pihak Inggeris langsung tidak memberi bantuan ketenteraan. Ini telah menyebabkan Sultan Kedah marah. Pada awal tahun 1791, Sultan Abdullah telah melengkapkan angkatan perang untuk menyerang Inggeris di Pulau Pinang. Malangnya mereka telah dapat ditewaskan.



Pada 1 Mei 1791, perbalahan antara Inggeris dan Sultan Kedah dapat diselesaikan. Dalam perjanjian ini Seberang Prai telah diserahkan kepada Inggeris.

Ketika Sultan Abdullah mangkat, Tunku Ahmad Tajuddin masih kecil. Takhta Kerajaan Kedah telah diserahkan kepada adinda baginda, Tuanku Dhiauddin. Tuanku Dhiauddin telah ditabalkan sebagai Sultan Kedah yang kedua puluh satu dan memakai gelaran Sultan Dhiauddin Mukarram Shah.

Setelah dewasa, Tengku Ahmad Tajuddin menuntut hak baginda sebagai Sultan Kedah. Baginda kemudiannya telah meminta Raja Siam supaya mengiktiraf baginda sebagai Sultan Kedah dan mengaku akan taat setia kepada Raja Siam. Dengan persetujuan Raja Siam, Tunku Ahmad Tajuddin ditabal sebagai Sultan Kedah yang kedua puluh dua pada tahun 1804. Baginda memakai gelaran Sultan Ahmad Tajuddin Halim Shah II.

Semasa pemerintahan baginda, beberapa peristiwa telah berlaku hingga mengakibatkan hubungan dengan kerajaan Siam tidak baik. Akhirnya atas nasihat pihak Inggeris, Sultan Ahmad Tajuddin terpaksa tunduk kepada Siam untuk mengelakkan negeri Kedah daripada diserang oleh askar-askar Siam.

Sultan Kedah yang kedua puluh tiga memakai gelaran Sultan Zainal Rasyid Almuazam Shah I. Sultan Kedah yang





kedua puluh empat ialah Sultan Ahmad Tajuddin Mukarram Shah. Baginda menaiki takhta pada tahun 1854-1879.

Sultan Ahmad Tajuddin adalah seorang pemerintah yang bijak. Baginda telah dapat menjalin hubungan baik dengan Raja Siam dan berkahwin dengan anak angkat Raja Siam. Semasa pemerintahan baginda Kedah menjadi aman dan makmur. Banyak kawasan tanah dibuka terutamanya untuk tanaman bunga cengkih dan kopi. Jalan raya juga telah mula dibina.

Setelah baginda mangkat, putera baginda yang bernama Tunku Zainal Rasyid telah ditabalkan sebagai Sultan Kedah yang kedua puluh lima. Baginda menaiki takhta pada tahun 1880. Sultan Zainal Rasyid hanya memerintah untuk tempoh setahun sahaja. Selepas itu berlaku perebutan kuasa.

Dengan pertolongan Raja Siam,

Sultan Abdul Hamid Shah telah ditabalkan sebagai Sultan Kedah menggantikan Sultan Zainal Rasyid. Pertabalan baginda ini berlangsung pada tahun 1882. Sultan Abdul Hamid seorang sultan yang bijaksana dan berfikiran luas. Semasa pemerintahannya, baginda telah melawat beberapa negara jiran seperti Siam dan Burma. Malangnya baginda sering gering dan pemerintahan negeri Kedah terpaksa diserahkan kepada pemangku Sultan.



Sultan Abdul Hamid

Salah seorang isteri Sultan Abdul Hamid ialah Che Menjelara yang berketurunan Siam. Hasil perkahwinan ini, baginda dikurniakan beberapa orang putera dan puteri. Salah seorang daripada putera baginda ialah Yang Teramat Mulia Tunku Abdul Rahman Putera Al-Haj iaitu bekas Perdana Menteri Malaysia yang pertama.





Sultan Badlishah

Kedah yang kedua puluh enam.



Sultan Abdul Hamid

Hanya sedikit sahaja jawatan yang dipegang oleh orang Inggeris. Sultan Badlishah mangkat dalam tahun 1958.

Kedah masih di bawah pemerintahan Sultan Abdul Hamid semasa Jepun menyerang Tanah Melayu pada tahun 1941. Baginda kemudiannya mangkat pada 13 Mei 1943 dan tempatnya digantikan oleh putera baginda yang bernama Sultan Badlishah sebagai Sultan

Sultan Badlishah mempunyai banyak pengalaman dalam menjalankan urusan pentadbiran kerana baginda pernah berkhidmat di jabatan-jabatan kerajaan. Baginda memerintah dengan tegas. Jawatan-jawatan kerajaan diberikan kepada kerabat diraja dan orang

Tempatnya digantikan oleh putera baginda iaitu Sultan Abdul Halim Muazzam Shah, yakni Sultan Kedah sekarang.

Sultan Abdul Halim menaiki takhta setelah Persekutuan Tanah Melayu mencapai kemerdekaan. Baginda adalah seorang Sultan yang sangat mengambil berat tentang kebajikan rakyat negeri Kedah. Sultan Abdul Halim juga pernah dilantik menjadi DYMM Yang di-Pertuan Agong Malaysia yang kelima.

Negeri Kedah terbahagi kepada sepuluh daerah iaitu Bandar Baharu, Baling, Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim, Padang Terap, Sik, Yan dan Langkawi. Ibu negeri Kedah ialah Alor Setar.

Sebagaimana negeri-negeri yang mempunyai Sultan, pentadbiran negeri Kedah adalah terletak kepada pusat pentadbiran kerajaan. Badan-badan



**Kegiatan
Ekonomi
dan
Pentadbiran**





kerajaan, agensi dan pihak swasta sama-sama membangunkan negeri Kedah. Pembangunan sektor pertanian terletak di bawah Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA) dan Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), manakala sektor pembangunan pula dijadikan oleh Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah (PKNK) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS).

Lembaga Kemajuan Pertanian Muda telah ditubuhkan untuk tujuan menyelaraskan aktiviti-aktiviti projek Kawasan Perairan Muda. Kawasan Perairan Muda meliputi kawasan seluas 126,987 hektar. Daripada jumlah keluasan itu 96,000 hektar dikhususkan untuk penanaman padi. MADA bertanggungjawab menyediakan sistem infrastruktur yang baik dan memastikan kawasan Perairan Muda mendapat sistem saliran dan pengurusan yang sempurna. Selain daripada itu MADA juga memastikan penduduk di kawasan tersebut mendapat kemudahan-

kemudahan awam yang lengkap.

Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah pula ditubuhkan pada 28 Mei 1981. Objektif utamanya adalah untuk menaikkan taraf hidup dan memperbaiki sosio ekonomi penduduk negeri Kedah, terutamanya bagi kawasan-kawasan di luar pentadbiran MADA. Untuk tujuan ini KEDA telah membuat berbagai-bagai projek termasuk projek-projek pertanian, projek-projek memajukan kampung dan program-program industri kecil. Bagi projek jangka panjang, KEDA telah mewujudkan banyak bandar baru.

Bandar-bandar yang sedang dimajukan ialah Binjal, Sik, Kupang, Naka, Jeniang, Baling dan Sungai Tiang. Di bawah program ini, KEDA akan menyediakan peluang-peluang perniagaan, rumah kos rendah, perkhidmatan awam dan pusat kutipan setempat bagi memastikan kemajuan sektor pertanian dan kedudukan sosial.





Perbadanan Kemajuan Negeri Kedah melaksanakan perindustrian berat, perumahan dan merancang beberapa strategi bagi memenuhi keperluan pembangunan semasa termasuklah menyediakan kawasan perindustrian baru.

Terdapat lima kawasan perindustrian berat di negeri ini iaitu Bakar Arang, Kulim, Tikam Batu, Mergong Dua dan Mergong Barrage. Daerah Kulim kini menjadi pilihan para pelabur dari dalam dan luar negara. Kulim telah menerima arus pembangunan mendadak sejak beberapa tahun kebelakangan ini. Pembinaan kawasan Perindustrian Hi-Tech, pembinaan Hospital Daerah berkonsepkan nukleus dengan harga RM90 juta dan kemunculan sebuah bandar tidak lama lagi telah menjadikan daerah Kulim begitu penting di Kedah.

Perbadanan ini juga telah membina beberapa tempat penginapan dan kemudahan pelancongan sejajar dengan mat-

alamat kerajaan untuk menjayakan projek Tahun Melawat Malaysia. Setakat ini PKNK telah menyiapkan tujuh chalet dan 24 bilik di kawasan pelancongan Gunung Jerai. Selain itu, sebuah hotel 55 bilik telah dibina di Sungai Petani dan dikenali sebagai Sungai Petani Inn.



Pemandangan dari Gunung Jerai

Perkembangan pendidikan di negeri Kedah adalah sangat menggalakkan. Di setiap daerah terdapat sekolah rendah dan menengah untuk menampung keperluan pendidikan negeri ini. Di samping mempunyai bilangan sekolah-sekolah yang mencukupi, negeri Kedah juga mempunyai sebuah institusi pengajian tinggi iaitu Universiti Utara Malaysia (UUM). Antara kursus profesional yang ditawarkan di sini termasuk bidang ekonomi, pentadbiran awam, pengurusan dan perakaunan.





Keindahan Kedah Darul Aman

Kedah kini sedang pesat membangun dalam semua bidang. Pentadbiran negeri Kedah sentiasa memastikan kemakmuran rakyat negerinya dan kejayaan Kedah juga menjadi kejayaan rakyat Malaysia seluruhnya.

• Alor Setar

Bandar Alor Setar ialah ibu negeri diraja dan Bandar Diraja Kedah. Sebagai pusat pentadbiran negeri, bandar ini mempunyai segala keperluan dan kemudahan. Bandar ini terletak di tempat pertemuan dua cawangan Sungai Kedah. Bandar Alor Setar juga berfungsi sebagai pusat perniagaan dan pengangkutan utama di Kedah.

Bandar ini mempunyai beberapa tempat dan bangunan yang menarik. Antaranya ialah Taman Merdeka, gelanggang sepatu roda, pasar malam, stadium dan muzium. Antara bangunan yang menarik ialah Istana Anak Bukit, Balai Besar, Masjid Zahir dan Balai Nobat.

• Balai Besar

Bangunan ini merupakan sebuah Balai Penghadapan atau Balai Rongseri. Balai ini dibina pada tahun 1898.



Balai Besar

Banyak bahagian bangunan ini telah mengalami kerosakan akibat daripada peperangan dan huru-hara yang berlaku di negeri ini pada masa dahulu. Balai ini telah dibina semula mengikut bentuk asalnya dengan seni pertukangan Melayu yang sungguh indah.



• Balai Seni

Balai seni pada asalnya adalah bangunan Mahkamah Negeri yang dibuka pada tahun 1912. Pada tahun 1931 bangunan ini telah dijadikan sebagai Pejabat Audit, Bendahari Negeri dan Pejabat Penasihat British. Kemudian bangunan ini dijadikan Pejabat Kerja Raya dan Pejabat Tali Air. Pada 27 Julai 1983 bangunan ini dirasmikan menjadi Balai Seni negeri Kedah. Di



Balai Seni

sini dipamerkan pelbagai koleksi lukisan dan barang antik.



Balai Nobat

• Balai Nobat

Balai Nobat terletak berhampiran dengan Balai Besar dan Masjid Zahir. Mengikut cerita orang tua, gendang-gendang di Balai Nobat ini akan berbunyi setiap pagi sebelum sembahyang Subuh.

Balai Nobat adalah sebuah balai khas yang digunakan untuk upacara-upacara rasmi

diraja seperti perkahwinan, pertabalan, kemangkatan dan lain-lain.

Alat-alat yang digunakan untuk permainan nobat terdiri daripada gendang negara, gendang nobat besar, gendang nobat kecil dan nafiri.

• Masjid Zahir

Masjid Zahir terletak di Bandar Alor Setar. Masjid ini merupakan salah sebuah masjid yang tercantik di Malaysia. Masjid ini

mula dibina pada tahun 1912 dan siap pada tahun 1915 iaitu pada masa pemerintahan Duli Yang Maha Mulia Sultan Abdul Hamid Halim Shah. Masjid ini menjadi mercu tanda yang mencerminkan keagungan agama Islam dan ciri-ciri binaan Islam yang halus.

Masjid ini mengambil contoh reka-





bentuk bangunan masjid di Sumatera Utara dan Aceh. Masjid ini mempunyai ruang induk seluas 19.15 meter x 19.5 meter yang dikelilingi oleh ruang serambi yang mengandungi empat buah anjung pada setiap sisinya.

Majlis pertandingan membaca Al-Quran peringkat negeri diadakan di masjid ini setiap tahun.

• Muzium Diraja



Muzium Diraja negeri Kedah khas untuk pameran khazanah diraja. Muzium ini dibina pada tahun 1936 dan mempunyai ciri-ciri senibina berunsur kebudayaan Thai yang unik. Antara bahan-bahan yang dipamerkan di muzium ini adalah alat-alat perkahwinan diraja, barang-barang koleksi diraja dan lain-lain lagi.

• Muzium Negeri Kedah

Muzium Negeri terletak di Bakar Batu

iaitu di Lebuhraya Darul Aman. Antara bahan-bahan sejarah yang dipamerkan di muzium ini adalah contoh bunga emas yang dijadikan ufti pada suatu ketika dahulu. Di luar bangunan ini pula, dipamerkan alatan pertanian tradisional, kereta bomba lama dan perahu-perahu lama yang penting dalam sejarah negeri Kedah.



Muzium Negeri
Kedah



• Batu Hampar

Dalam daerah Yan, kira-kira 32 kilometer ke selatan Alor Setar terdapat sebuah kawasan beristirahat yang menjadi pilihan ramai. Batu Hampar merupakan kawasan air terjun yang sejuk dan segar. Kawasan ini kerap dikunjungi terutamanya pada hujung minggu.





• Gunung Jerai

Gunung Jerai merupakan bukit batu kapur yang mempunyai ketinggian 1200 meter dari aras laut. Dari puncak Gunung Jerai, kita akan dapat melihat keindahan sawah padi yang terbentang luas dari Kedah ke Perlis dan kebiruan laut yang mengelilingi Pulau Pinang dan juga gugusan pulau-pulau Langkawi yang penuh legenda.



• Lembah Bujang

Lembah Bujang terletak berhampiran dengan Gunung Jerai. Di lembah ini terdapat beberapa tapak penggalian yang mengandungi banyak kuil Hindu dan kuil Buddha yang telah dibina pada abad keenam Masihi. Pihak Muzium Negeri telah membina semula beberapa buah kuil di Pengkalan Bujang, Sungai Batu Estate dan di Bukit Batu Pahat. Kerajaan juga membuat rancangan untuk menjadikan lembah ini sebuah taman

sejarah.

Salah sebuah candi yang terletak di Lembah Bujang ialah Candi Bukit Batu Pahat. Candi Bukit Batu Pahat ini adalah luar biasa. Usia candi ini dianggarkan sudah melebihi seribu tahun.

Candi Pengkalan Bujang terletak di tebing Sungai Bujang. Hasil penggalian yang dijumpai di sini termasuk tapak kuil, barang-barang tembikar, periuk, belanga dan manik kaca.

Penemuan candi ini membuktikan wujudnya suatu masyarakat purba di Kedah yang menerima pengaruh Hindu dari Sumatera.

• Pulau Langkawi

Pulau Langkawi meliputi gugusan 104 buah pulau yang kaya dengan keindahan alam semula



Pulau Langkawi
Kedah

jadi. Pulau Langkawi terletak di perairan sebelah barat negeri Kedah. Kawasan ini mempunyai jaluran pantai yang cantik dan bersih.



Makam Mashuri

Di pulau inilah terjadinya kisah legenda Mahsuri yang dibunuh akibat fitnah. Pada hari ini dipercayai sumpahan Mahsuri ke atas pulau ini telah berlalu. Kini Pulau Langkawi sudah pun membangun dengan begitu pesat sekali.



Pulau Langkawi mempunyai beberapa tempat sejarah yang menarik. Kuah ialah bandar utama di Pulau Langkawi. Bandar ini merupakan pusat perniagaan utama di pulau ini.



Bandar Kuah

Padang Mat Sirat pula terletak kira-kira 19 kilometer dari Kuah. Peristiwa beras terbakar di Padang Mat Sirat

masih boleh dilihat kesannya sehingga hari ini. Peristiwa sejarah itu berlaku ketika Siam menyerang Kedah. Rakyat Kedah telah diarah oleh Datuk Kerma Jaya untuk membakar padi dan semua beras simpanan mesti ditanam sedalam tiga kaki supaya tidak dapat digunakan oleh pihak musuh. Malangnya dalam peristiwa itu, beras yang ditanam telah turut terbakar apabila tentera Siam membakar pulau itu.



Telaga Tujuh terletak kira-kira 19 kilometer dari Kuah. Di sini terdapat sebatang sungai kecil yang mempunyai tujuh buah kolam air yang dipanggil Telaga Tujuh.



Pantai Pasir Hitam terletak kira-kira 19 kilometer dari Kuah. Pasir pantai ini bewarna kehitam-hitaman.

Tasik Dayang Bunting terletak di Pulau Dayang Bunting yang merupakan pulau



*Tasik Dayang
Bunting*

kedua terbesar di gugusan Pulau Langkawi. Di pulau ini terdapat sebuah tasik air tawar yang sangat terkenal.

Pantai Rhu yang terletak kira-kira 22 kilometer dari Kuah ialah sebuah pantai yang indah. Di luar pantai terdapat batu karang dan hidupan laut yang cantik.

Pada hari ini, Pulau Langkawi telah diberi taraf pelabuhan bebas oleh Kerajaan Malaysia pada tahun 1987. Kawasan pusat perdagangan Langkawi dinamakan 'Mahsuri Square'. Di sini para pengunjung boleh membeli-belah. Semua barang adalah bebas cukai. Kedai-kedai bebas cukai kebanyakannya terletak di pekan Kuah iaitu pekan terbesar di Langkawi. Bagi yang inginkan suasana pantai, kawasan Pantai Cenang yang indah menjemput anda untuk beristirahat, berenang dan sebagainya.



• Nobat Kedah

Nobat Kedah dianggap nobat yang paling tua dan bersejarah di Malaysia. Nobat adalah salah satu daripada alat adat istiadat diraja yang menjadi lambang kebesaran diraja Kedah sejak 400 tahun yang lampau. Alat-alat muzik yang menjadi kumpulan nobat terdiri daripada nafiri, serunai, mahara, gendang ibu, gendang anak dan sebuah gendang besar.

Nafiri adalah sejenis alat tiupan seperti trompet. Mahara pula merupakan gendang kecil yang diperbuat daripada sejenis kayu. Mahara mengeluarkan bunyi yang merdu dan dipukul dengan menggunakan rotan keras.

Nobat dimainkan hanya pada masa-masa tertentu termasuk sewaktu pertabal, perkahwinan dan upacara pemakaman raja-raja. Di negeri Kedah ini pada suatu masa dahulu, nobat dimainkan setiap petang sebelum Maghrib.



**Ciri-ciri
Budaya**



Orang nobat tidak dibenarkan mengajar lagu nobat kepada sesiapa pun, sekalipun kepada ahli keluarga sendiri.

• **Tarian Hadrah**

Dari segi sejarah, tarian ini kononnya dicipta untuk mengingati kisah penebang-penebang kayu yang telah tersesat di dalam hutan. Pada zaman dahulu, kononnya terdapat dua kumpulan penebang kayu telah terpisah. Untuk bertemu kembali, mereka memukul pokok kayu dengan buluh. Tujuannya supaya pukulan itu dapat didengari oleh kumpulan yang satu lagi. Akhirnya kedua-dua kumpulan penebang kayu tersebut dapat bertemu kembali.

Penari-penari kumpulan hadrah dibahagikan kepada dua kumpulan. Setiap kumpulan terdiri daripada 15 orang atau lebih tetapi tidak lebih daripada 30 orang. Persembahan dimulakan dengan kumpulan pertama menari serta

menyanyi sambil memukul kompang. Kemudian diikuti dengan kumpulan kedua yang akan turut menyanyi dengan kumpulan kedua.

• Tarian Cinta Sayang

Tarian ini menggambarkan keadaan dan suasana ketika keluarga nelayan mengucapkan selamat berangkat kepada nelayan yang akan turun ke laut. Dalam tarian itu dilambangkan bahawa para nelayan didoakan agar mereka selamat dan beroleh rezeki yang banyak. Sebaliknya para nelayan pula mendoakan agar keluarga mereka yang ditinggalkan sentiasa sihat dan selamat.



• Seni Pakaian

Pakaian tradisional wanita Kedah dikenali sebagai Baju Kedah. Baju Kedah berupa baju kurung asli tetapi berlengan besar



dan pendek. Baju ini dipadankan dengan kain sarung atau kain batik.

• Tradisi Persawahan

Sebagai pesawah, penduduk Kedah mempunyai istilah persawahan tersendiri yang menarik. Bulan Piama adalah suatu istilah musim. Di Kedah ada dua musim iaitu musim hujan dan musim kemarau. Mereka membahagikan musim-musim tersebut kepada bahagian-bahagian yang lebih kecil yang disebut piama. Dalam setahun terdapat 12 piama.

Bintang Ketika disebut juga sebagai bintang tujuh. Pesawah akan memilih bintang bagi menentukan masa menjalankan kerja di sawah. Selain daripada itu mereka juga percaya kepada semangat padi. Burung Balai pula adalah sejenis burung yang dijadikan alamat oleh pesawah dalam menentukan kerja-kerja mereka.

Negeri Kedah yang dikenali sebagai Jelapang Padi Malaysia kini sedang pesat membangun dalam bidang perindustrian. Walau bagaimanapun, semangat padi yang ditanam ke dalam jiwa rakyat negeri ini tidak akan lenyap. Jika kita melawat negeri Kedah di sepanjang perjalanan kita akan dapat melihat sawah padi yang luas terbentang.

Sesungguhnya Kedah Darul Aman adalah sebuah negeri di Malaysia yang amat menarik dan harus dikunjungi. Suasana alam dan kehidupan penduduk yang berasaskan kepada pertanian dan keadaan negeri yang makmur amat sesuai dengan gelaran iaitu Kedah Darul Aman.

Kesimpulan

